

SK Kerupang Prihatin Bantu Murid Kurang Berkemampuan



Labuan, 26 Mac – Adik Awang Akid bin Herman dari kelas 2 Inovasi dan adik Auni Adalia binti Ishak dari kelas 6 Inovasi merupakan dua orang murid bertuah yang telah menerima sumbangan iklas berbentuk telefon bimbit daripada Mantan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Kerupang, Encik Nik Hisyam.

Menurut Guru Besar SK Kerupang, Puan Hajah Aini Bt Hj Salleh, murid-murid yang dipilih menerima sumbangan ini merupakan murid dalam golongan yang berpendapatan rendah.

“Kita sedar pada masa kini, ramai anak-anak kita terutama daripada keluarga yang berpendapatan rendah tidak mempunyai gajet elektronik ini untuk mendapatkan maklumat serta menjalani sesi pembelajaran secara dalam talian. Kita berharap sumbangan ini dapat memberi manfaat kepada murid dan keluarga yang telibat.” Puan Hajah Aini

Beliau telah memberikan sumbangan ikhlas ini kepada kedua orang murid berkenaan, selaras dengan keprihatinan SK Kerupang dan PIBGnya kepada golongan murid yang kurang berkemampuan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Nik Hisyam. Semoga dimurahkan rezeki.

Berita Oleh : SK Kerupang

Pemuafakatan Komuniti Selesaikan Isu Pengoperasian Sekolah



Labuan, 26 Mac : Jabatan Pendidikan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pemuafakatan bersama komuniti dalam menyelesaikan isu pengoperasi sekolah sepanjang tempoh PKPP, kelmarin.

Pemuafakatan melibatkan beberapa agensi dan pertubuhan bagi mencari kaedah terbaik bagi mengatasi isu kepadatan, penjarakan fizikal di dalam bilik darjah dan isu-isu berkaitan penyuraian murid.

Antara agensi yang hadir dalam sesi pemuafakatan tersebut ialah Jabatan Kesihatan W.P Labuan, wakil PIBG, wakil Ahli Lembaga Pengurusan sekolah dan pentadbir sekolah.

Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad.

“Hasil daripada pemantauan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) W.P. Labuan, terdapat beberapa perkara yang perlu ditambahbaik di peringkat sekolah bagi memastikan sesi pembelajaran bersemuka dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat”

“Kita mahu anak-anak yang hadir untuk sesi pembelajaran secara bersemuka sentiasa berada dalam keadaan selamat. Ini termasuklah langkah-langkah kawalan keselamatan di seluruh kawasan sekolah dan tidak terhad kepada di dalam bilik darjah sahaja” kata beliau.

Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr. Mohd Zaki bin Abd Hamid berkata pematuhan kepada SOP adalah sangat penting bagi mengekang penularan pandemik terutamanya di peringkat sekolah.

Pihaknya juga sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama kepada mana-mana pihak dalam membantu menambahbaik langkah-langkah kawalan premis dalam mencegah Covid-19 daripada terus merebak.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim, Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon binti Matnoh dan KPP Sektor Infrastruktur dan Perolehan, Encik

Boney Jumil.

Berita Oleh : Sektor Perancangan

Program Munajat Bacaan Yasin dan Doa Warga Pendidik WP Labuan Kali Ke-3



Labuan : Panitia Pendidikan Islam SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) sekali lagi berjaya menganjurkan Program Munajat Bacaan Yasin dan Doa Warga Pendidik untuk kali ke-3 sebagai langkah mencegah penularan pandemik Covid-19. Program ini mendapat jalinan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan WP Labuan dan juga Sekolah-sekolah di WP Labuan. Majlis yang berlangsung secara dalam talian pada 25 Mac 2021 dimulakan dengan bacaan Yasin selepas solat Maghrib di kediaman masing-masing.

Turut hadir bersama dalam program ini ialah Ustazah Hajah

Kamariah binti Salim, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pendidikan Islam, Pegawai-Pegawai JPNWPL, Pengetua-Pengetua, Guru- Guru Besar, guru-guru , ibu bapa dan juga murid-murid. En. Ag Rozlan Manan , Pengetua SMKTPB turut hadir bersama dengan barisan pentadbir dan guru-guru SMKTPB.

Menurut moderator, Ustazah Saidatun Nadiah binti Abdul Aziz, tujuan utama program ini adalah untuk mendoakan kesihatan dan keselamatan semua warga pendidik, petugas di barisan hadapan, murid- murid, keluarga dan masyarakat agar terhindar daripada ditimpa musibah wabak Covid-19. Program ini juga bertujuan untuk memohon kepada Allah SWT agar mereka yang dijangkiti wabak Covid-19 akan kembali sembah dengan segera dan mendoakan agar negara kita serta dunia akan bebas daripada wabak ini, di samping mendoakan kecemerlangan anak-anak yang telah selesai menduduki SPM.

Selesai bacaan Yasin dan doa yang dipimpin oleh Ustaz Mohd Daud Abdul Rahman, majlis diteruskan dengan ucapan daripada En. Ag Rozlan, Pengetua SMKTPB. Dalam ucapannya, beliau merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran semua secara dalam talian. Program yang berlangsung untuk kali ke-3, merupakan sebahagian daripada usaha daripada pihak sekolah dan JPNWPL dalam menangani pandemik Covid-19. Beliau turut mengharapkan agar semua urusan warga pendidik akan diper mudahkan memandangkan pembukaan semula sekolah akan berlangsung pada 05 April 2021.

En. Ag Rozlan dalam ucapannya turut tidak menafikan bahawa SMKTPB juga terkesan akibat pandemik Covid-19 kerana ada calon SPM yang terpaksa menunggu untuk penjadualan semula bagi menduduki peperiksaan SPM. Semoga semua calon SPM akan memperoleh kejayaan yang cemerlang. Beliau turut berharap agar program ini akan dapat diteruskan agar kita semua sentiasa dilindungi dan mudah-mudahan doa yang dipanjatkan akan dimakbulkan oleh

Allah.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Ustazah Hajah Kamariah binti Salim, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pendidikan Islam. Dalam ucapannya, beliau merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada SMKTPB kerana berjaya melaksanakan program ini untuk kali ke-3. Beliau sangat bersyukur kerana calon SPM telah selamat menduduki peperiksaan SPM setelah tertangguh akibat pandemik Covid-19. Sememangnya anak-anak SPM 2020 merupakan insan terpilih untuk berada dalam situasi ini dan pastinya akan menjadi sejarah kepada kita semua. Beliau mendoakan agar anak-anak yang tamat menduduki SPM akan memperoleh kejayaan yang cemerlang. Ucapan syabas dan tahniah juga dirakamkan kepada semua sekolah kerana berjaya mematuhi SOP yang telah ditetapkan dalam menjalani norma baharu ini terutama sekali yang melibatkan pergerakan murid-murid di sekolah.

Semoga usaha kita semua akan dapat membantu memutuskan rantaian pandemik Covid-19. Sesungguhnya setiap musibah yang Allah turunkan ada hikmahnya yang tersendiri. Salah satunya, beliau mendapati guru-guru kini semakin kreatif menggunakan teknologi maklumat untuk melaksanakan PdPr masing-masing demi memastikan anak murid tidak tercincir dalam pembelajaran. Pada akhir ucapannya, beliau berharap agar wabak ini segera diangkat oleh Allah SWT dan mendoakan agar kita semua dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Majlis diakhiri dengan solat Isyak dan solat Hajat di rumah masing-masing.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun

Kunjung Hormat APMM Ke Jabatan Pendidikan Erat Kerjasama Antara Agensi



Labuan, 24 Mac : Pengarah Zon Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Labuan, Kepten Nudin bin Jusoh telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Pendidikan W.P. Labuan di pejabatnya di Tingkat 10 Ujana Kewangan sempena pelantikan Encik Yusup bin Haji Mohamad sebagai Pengarah Pendidikan yang baharu, hari ini.

Kepten Nudin yang telah dilantik ke jawatan Pengarah APMM Labuan pada Februari 2021 telah diiringi oleh Timbalan Pengarah Pengurusan APMM, Encik Arun Fazhillah bin Hamdan dan Pegawai Pemerintah KM Bestari, Lt. Kdr Hilmie bin Abdullah.

Ketibaan beliau pada jam 9.00 pagi telah disambut oleh

Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim bersama Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad.



Kepten Nudin menandatangani buku pelawat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



Kepten Nudin bersama Encik Yusup

Dalam pertemuan itu, Kepten Nudin mengucapkan tahniah kepada Encik Yusup kerana telah dilantik menerajui Jabatan Pendidikan W. P. Labuan.

Beliau turut memaklumkan tentang perancangan jangka

panjang untuk mewujudkan pusat latihan asas maritim di Labuan, bantuan mempromosi kepada murid-murid berkaitan aktiviti-aktiviti maritim.

“Kami berharap agar APMM dapat menjalankan kerjasama yang lebih erat antara jabatan pada masa akan datang demi kepentingan penduduk-penduduk di wilayah ini” katanya.

“Kita juga berharap agar dapat membuat promosi berkaitan aktiviti-aktiviti APMM kepada murid-murid sekolah melalui program Sahabat Maritim” tambah beliau.

Dalam ucapan balas, Encik Yusup turut berharap agar semua agensi kerajaan di pulau ini dapat bekerjasama sebagai satu pasukan untuk kepentingan warga Labuan.

“Matlamat kita ialah memberi peluang seluas mungkin kepada anak-anak di Labuan kepada akses pendidikan yang berkualiti. Kerjasama seperti ini adalah peluang terbaik untuk mendedahkan murid-murid kepada aktiviti di luar bilik darjah. Ini mampu merintis minat kepada murid-murid tentang kerjaya di dalam APMM itu sendiri ” tambah beliau lagi.

Hadir sama dalam pertemuan tersebut ialah KPP Sektor Infrastruktur dan Pembangunan, Encik Boney Jumil, KPP Sektor Pengurusan, Puan Lina Encharang, KPP Sektor Sumber Manusia, Encik Khairul Hafiz bin Juni dan wakil SPS, Puan Zaleha binti Hassan.

Berita Oleh : Sektor Perancangan



Encik Yusup menyampaikan cenderamata kepada Kepten Nudin

TKPPM (SOS) Lakukan Lawatan Kerja Ke Labuan



Labuan, 23 Mac : Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah menerima kunjungan dan lawatan kerja Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia(TKPPM) Sektor Operasi Sekolah (SOS) , Dato' Haji Adzman bin Talib bermula 20 hingga 22 Mac 2021.

Lawatan selama 3 hari itu adalah bertujuan untuk memastikan pengoperasian sekolah rendah dan persediaan pembukaan sekolah menengah mulai 8 April ini berjalan lancar dalam tempoh PKPP.

Menurut Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah (SPS), Puan Maimoon binti Matnoh selaku penyelaras program, selain mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai jabatan pendidikan, TKPPM turut dijadualkan melawat beberapa sekolah di wilayah ini.

“Antara fokus lawatan ialah melihat kaedah dan amalan sekolah-sekolah dalam menerima kehadiran murid setiap pagi dan sesi penyuraian murid-murid sekolah” tambah beliau lagi.

Kunjungan ke ibu pejabat Jabatan Pendidikan W. P Labuan telah dibuat sejurus selepas ketibaan Dato' Haji Adzman

di pulau bertuah ini. Kehadiran TKPPM (SOS) telah disambut oleh pegawai-pegawai jabatan yang diketuai oleh Pengarah Pendidikan, Encik Yusup bin Haji Mohamad.

Turut menyambut kehadiran beliau ialah YDP MPSM, Encik Ismail bin Abdullah dan YDP MGB, Puan Dayang Saripah A. Mahmud.



Dato' Haji Azman menandatangani buku pelawat sambil diperhatikan Pengarah dan Timbalan-timbalan Pengarah JPWPL

Dalam ucapan alu-aluan, Encik Yusup telah menerangkan tentang halatuju dan pelan strategik Jabatan Pendidikan W. P. Labuan dalam tempoh 2021 hingga 2025.

"Kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meletakkan pendidikan Labuan di landasan terbaik. Dalam hal ini kita akan mengukuhkan program-program pendidikan di peringkat negeri dan memperkasakan aktiviti-aktiviti kebangsaan. Kita juga telah menjalankan hubungan antarabangsa dengan KUPU Brunei dan NPO SAM, Jepun". kata beliau lagi.

Puan Maimoon binti Matnoh, Timbalan Pengarah SPS turut

menyampaikan taklimat ringkas berkaitan pengoperasian sekolah rendah dari aspek kehadiran murid dan sesi penyuraian sewaktu balik.

Dalam ucapan, Dato' Haji Adzman berkata tujuan utama lawatan kerja ialah untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang kesiapsiagaan dan pematuhan sekolah terhadap amalan-amalan dalam norma baharu.

"KPM telah membuat satu keputusan yang sukar untuk membenarkan murid-murid kembali ke sekolah. Kita mengakui bahawa sesi persekolahan secara bersemuka adalah amat penting bagi setiap murid mendapat akses kepada pendidikan terbaik. Justeru kita perlu memastikan keselamatan murid dan warga sekolah sentiasa terjamin dengan mematuhi SOP yang telah disediakan" tegas beliau.

Dato' Haji Adzman telah melawat ke lima buah sekolah sepanjang 3 hari lawatan beliau di wilayah ini. Secara keseluruhan beliau berpuashati tahap kesiapsiagaan dan pematuhan sekolah-sekolah di Labuan dalam mengekang penukaran pandemik Covid-19.



Encik Ismail berbincang dengan Dato' Haji Azman SOP kehadiran murid ke sekolah SMK Labuan



Dato' Haji Azman memberi penerangan kepada guru-guru SMK Pantai



Lawatan Kerja TKPPM(SOS) ke asrama SM Sains Labuan



Dato' Azman sedang mengukur kedudukan jarak 1 meter di bilik darjah SK Sungai Bedaun



Tahniah, inisiatif JPWPL menyediakan 20 sinki setiap sekolah untuk kemudahan murid mencuci tangan



Dato' Haji Azman berpuas hati dengan Sekolah Kebangsaan SK Pekan Satu yang memperkenalkan sistem e-Mulih iaitu sistem penyuraian murid yang sistematik. Beliau juga telah mengadakan sesi lawatan ke bilik-bilik darjah bagi memastikan penjaraikan fizikal di antara

setiap murid mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KOM.

“Saya ingin mengucapkan tahniah atas inisiatif yang telah diambil oleh Jabatan Pendidikan kerana menyediakan sekurang-kurangnya 20 sinki di setiap sekolah secara tetap dan dibuat dengan begitu kemas. Inisiatif ini telah memudahkan murid-murid untuk mencuci tangan secara kerap dan menjaga kesihatan” kata beliau selepas melawat sekolah-sekolah.

Di akhir sesi lawatan, beliau sempat meninjau sesi penyuraian murid di SK Pekan Satu.

“Saya berpuashati dengan kaedah-kaedah penyuraian murid yang telah diamalkan oleh sekolah-sekolah di Labuan berdasarkan model-model yang telah dicadangkan. Saya juga mengucapkan terima kasih atas kerjasama pihak PIBG, PDRM, RELA dalam memastikan penyuraian murid secara tertib” tambah beliau.

Berita Oleh : Sektor Perancangan



Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan 2021-2025



Bersama warga Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



Lawatan kerja ke Sekolah Kluster Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan St Anne, Labuan



Lawatan Kerja ke Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai, Labuan



Lawatan kerja ke Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun, Labuan



Lawatan kerja ke Sekolah Menengah Kebangsaan Labuan

Kempen Derma Darah Hari Guru 2021 Peringkat W.P Labuan Dapat Sambutan



Labuan, 20 Mac : Program Kempen Derma Darah sempena sambutan Hari Guru 2020 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Kempen Derma Darah ini merupakan antara program-program anjuran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan sempena sambutan Hari Guru peringkat negeri tahun 2021.

Program ini merupakan inisiatif untuk membantu menambahkan tabung darah di Hospital Labuan demi rawatan pesakit dan juga kes-kes kecemasan. Kempen derma darah ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memberi peluang kepada semua guru serta orang awam untuk menunaikan tanggungjawab kemasyarakatan. Selain, memupuk sifat penyayang dan sedia membantu tanpa mengira bangsa dan agama.

SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) merupakan sekolah zon pengelola, telah berjaya menambah tabung darah Hospital Labuan sebanyak 44 paket darah.



Antara guru yang telah memberikan sumbangan bakti dalam Kempen Derma Darah Sambutan Hari Guru 2021 W.P Labuan





Guru-guru menunggu giliran untuk menyumbang darah. Pengetua SMKTPB selaku Pengurus Jawatankuasa Pengelola Sambutan Hari Guru 2021, Encik Ag. Rozlan bin Manan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan program khidmat masyarakat melalui kempen derma darah.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Hospital Labuan kerana bersama-sama merealisasikan program kemasyarakatan ini.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua penderma darah yang telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Beliau juga bersyukur kerana program yang dirancang berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektifnya.

Penderma boleh menderma darah sekiranya tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan. Sjil penghargaan dan hamper

telah diberikan kepada penderma darah yang mendaftar terlebih dahulu sebagai penderma darah.

Walaupun dalam situasi negara menghadapi pandemik Covid-19, program derma darah ini merupakan landasan terbaik untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya dalam kalangan guru-guru di Wilayah Persekutuan Labuan untuk menderma darah ekoran stok bekalan darah yang semakin susut bekalannya.

Malahan, program ini juga dapat membuka mata warga guru bahawa betapa pentingnya 1 paket darah dapat menyelamatkan nyawa seseorang.

Kempen derma darah diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pihak pengurusan Hospital Labuan oleh Sekolah Zon Pengelola Sambutan Hari Guru Peringkat WP Labuan Tahun 2021 bagi pihak Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Turut hadir bersama dalam program ini ialah Pn. Chai Yee San (Pen. Kanan Pentadbiran) selaku setiausaha JK Pengelola Sambutan Hari Guru, Pn. Lau Chin Ying (Pen. Kanan Kokurikulum), guru-guru kanan bidang serta AJK yang terdiri daripada guru-guru SMKTPB.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Tiga orang penderma darah yang terawal hadir menerima sijil dan hadiah daripada En. Awang Rozlan



Antara guru yang menerima sijil penghargaan kerana mendaftar awal sebagai penderma darah.



En. Ag Rozlan menyampaikan sijil penghargaan atas jalinan mengadakan program kepada pihak Hospital Labuan



Setinggi-tinggi tahniah Encik Ag Rozlan bersama barisan guru SMKTPB yang bertugas sebagai AJK.

Pelancaran Program Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat SMK Mutiara



Labuan : Majlis pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan peringkat SMK Mutiara telah disempurnakan oleh Pengetua, Encik Yahya Bin Ahmad Puteh yang bertempat di perkarangan pejabat am pada 12 Mac lalu. Turut serta menghadiri majlis pelancaran tersebut adalah Penolong Kanan Pentadbiran, Encik Hisham Bin Abdul Aziz, Guru Kanan Bidang Teknik Vokasional, Encik Mizan Adlia Binti Mohd Shoib dan Guru Kanan Bidang Kemanusiaan, Puan Teo Geok Lin.

Dalam usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang 2030, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyusun pelbagai program sepanjang 10 tahun dari 2021 sehingga 2030 sebagai Dekad Membaca Kebangsaan (DMK). DMK bertujuan membentuk masyarakat ilmu bertaraf dunia dengan tumpuan membaca untuk pengetahuan dan pembudayaan amalan membaca.

Pelaksanaan DMK merangkumi enam program utama iaitu kepelbagaian program membaca, pembangunan prasarana dan aktiviti membaca, pesta buku sebagai destinasi perbukuan masyarakat, pembangunan pembacaan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak, capaian buku digital atau E-Buku serta pendidikan sepanjang hayat. Beberapa pendekatan strategi juga diambil KPM di mana antaranya adalah mewujudkan rangkaian kerjasama merentas kementerian dan agensi kerajaan, sektor korporat dan swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Selain itu, program pembacaan dengan aktiviti kreatif dan inovatif, selaras dengan kemajuan Revolusi Perindustrian 4.0 turut dipertingkatkan selain meluaskan akses capaian kepada bahan bacaan dan sumber maklumat melalui pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi di seluruh negara.

Penanda aras tahap pencapaian pembacaan rakyat Malaysia yang aktif membaca meningkat kepada 25 peratus daripada jumlah penduduk pada lima tahun pertama pelaksanaan DMK juga diperkenalkan.

Kelompok sasaran dituju kepada murid prasekolah (memperkenalkan bahan dan pembacaan awal), sekolah rendah (memperkenalkan teknik membaca dan menganalisis), sekolah menengah (membaca untuk pengetahuan kreatif dan inovatif), penuntut institusi pengajian awam dan swasta (membaca untuk pengetahuan kreatif dan inovatif, rekreasi dan lain-lain), masyarakat umum (membaca untuk meningkatkan pengetahuan dan pembacaan sebagai asas kerja), penjawat awam (membaca untuk meningkatkan profesionalisme dan menambah ilmu dalam urus tadbir kerajaan) dan belia (membaca untuk rekreasi dan menambah ilmu pengetahuan yang kreatif dan inovatif).

Pada majlis tersebut, Pengetua turut melancarkan kempen membaca di kalangan warga SMK Mutiara sebagai pengisian

program ini. Guru yang paling banyak membaca buku sepanjang tahun 2021 akan diiktiraf dan diberikan ganjaran berupa wang tunai.

Bersempena dengan program ini juga, beberapa struktur simenfero dan sebuah mercu tanda berupa buku dan hati telah dibina di perkarangan pejabat am sekolah oleh Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Kokurikulum dan dibantu oleh lima orang anggota kumpulan pelaksana (AKP) serta dua orang guru pelatih dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

DMK yang diperkenalkan oleh KPM ini adalah satu pendekatan yang lebih mantap lagi agresif bagi menarik lebih ramai warga sekolah untuk mencintai dunia pembacaan dan menyegarkan pembudayaan membaca. Kempen yang menggunakan slogan **#MalaysiaMembaca**, adalah aspirasi untuk menjadikan SMK Mutiara sebagai sekolah membaca serta melahirkan masyarakat berilmu lagi HEBAT.

“Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya”

Berita Oleh : SMK Mutiara

SK Kerupang Prihatin Bantu Keluarga Murid Mangsa Kebakaran



Labuan, 23 Mac – Rombongan guru dan staf SK Kerupang yang diketuai oleh Yang Berusaha Guru Besar , Puan Hajah Aini binti Haji Salleh telah mengadakan lawatan amal kepada mangsa rumah terbakar iaitu adik Maulana Ibrahim yang menuntut di tahun 4 Aspirasi, SK Kerupang.

“Pihak sekolah mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ibu bapa, guru dan murid di atas kutipan sumbangan ikhlas Kepada Adik Maulana Ibrahim. Semoga DiKurniakan Rezeki yang Luas Dan DiRahmati Allah SWT...Tahniah Semua Warga SKK Warga Perihatin. “ Puan Hjh Aini Binti HJ Salleh

Kebakaran berlaku pada 20 Mac 2021 yang lalu, memusnahkan keseluruhan rumah kediaman adik Maulana sekeluarga.

Dalam sesi lawatan ini, Puan Guru Besar telah menyerahkan sumbangan ikhlas daripada pihak sekolah kepada keluarga adik Maulana bagi membantu sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh mereka akibat musibah ini.

Serahan Sumbangan sekolah yang kedua menyusul dan disampaikan oleh Puan Hajah Aini pada keesokan harinya bersamaan 24 Mac 2021, kepada keluarga adik Maulana.

Program Jambatan Kasih 2021



Labuan, 22 Mac- Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) Wilayah Persekutuan Labuan sekali lagi telah menerima rombongan lawatan daripada Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (TKPPM) Dato' Hj Adzmin bin Talib. Turut hadir Pengarah Pendidikan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad berserta timbalan dan penolong-penolong pengarah. Program ini bermula dari jam 11.30 pagi sehingga 1.15 petang.

Menurut Encik Yusup, program ini merupakan lawatan bersifat muhibah untuk mengenal pasti langkah yang terbaik melaksanakan proses penyuriaian murid di SKPS. "Dengan mematuhi SOP yang ketat, pihak sekolah memberi contoh yang baik kepada sekolah lain khususnya dalam

proses penyuraian murid menggunakan aplikasi e-Mulih” tambah beliau lagi.

Ketibaan rombongan ini disambut meriah oleh Guru Besar SKPS, Anita Shyamini A/P S. Azman. Turut hadir PK Pentadbiran SKPS Encik Airol Azmi bin Abd Gani, PK HEM SKPS Puan Normah binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmit bin Amat, PK PPKI En. Mohd Faizal Abd Moin serta guru-guru SKPS sebagai tanda memberi semangat yang tidak terhingga kepada rombongan pelawat.

Di samping itu, Dato’ Hj Adzmin mengucapkan tahniah kepada Pihak pengurusan dan semua guru kerana melihat kerjasama dan kesungguhan guru-guru dalam memastikan penyuraian murid berjalan lancar melalui aplikasi e-Mulih. Secara keseluruhannya Dato’ Hj Adzmin berpuas hati dan mengucapkan tahniah khasnya kepada Encik Airol Azmi dan Encik Mohd Noor Izuan Bin Anuar “the founder of e-Mulih” dan amnya kepada seluruh pasukan penyuraian serta semua yang terlibat dalam kejayaan ini. Dato’ Hj Adzmin menunjukkan minat terhadap sistem e-Mulih dan akan cuba mengetengahkannya diperingkat sekolah-sekolah KPM.



Dari Kiri Encik Yusup, Dato' Hj Adzmin Dan Puan Anita Shyamini Berbaris Di Stesen "Scan QR Code"


Puan Anita Shyamini meluahkan rasa syukur dengan periktirafan Aplikasi e-Mulih kerana ianya umpama satu kredit besar kepada SKPS dalam menaikkan maruah guru dan sekaligus menaikkan martabat SKPS. Apa yang paling penting SKPS telah menemui satu formula penyuraian yang sesuai dengan kapasiti murid, ibubapa dan ruang terhad sekolah. "Insha Allah founder of e-Mulih akan *diimport* ke Kelantan atau secara GoogleMeet untuk sesi perkongsian amalan penyuraian ini" tambah beliau lagi.

Akhir sekali, penyelaras program Encik Mohd Noor Izuan melahirkan rasa terima kasih kepada pihak rombongan kerana sudi melawat SKPS dan melihat perjalanan proses penyuraian menggunakan aplikasi e-mulih. "Kami sebagai guru juga mengharapkan proses penyuraian menggunakan Aplikasi e-Mulih berjalan lancar dan akan berusaha mempertingkatkan lagi aplikasi ini dari semasa ke semasa agar ianya bertambah baik" ulas beliau lagi.



Dato' Hj Adzmin Berkesempatan Mengimbas QR Code Bagi Ibubapa Yang Mengambilnya Anaknya Melalui "Drive-thru".

Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi SMKTPB Labuan Berhad




Labuan, 15 Mac – Koperasi SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) Labuan Berhad telah menganjurkan mesyuarat agung tahunan koperasi kali ke 17 seperti yang dirancangkan oleh Ahli Lembaga Koperasi telah berjalan dengan lancar.

Mesyuarat ini berlangsung secara dalam talian pada 12 Mac 2021 bermula jam 2.30 petang sehingga jam 4.00 petang yang telah dipengeruskan oleh Encik Ag Rozlan Bin Manan, selaku Penggerusi Koperasi. Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh Encik Azmaniansyah Bin Bachok, Pengurus Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) cawangan Wilayah Persekutuan Labuan, guru-guru, dan juga murid-murid SMKTPB seramai 80 orang.

Pengerusi koperasi memulakan mesyuarat dengan ucapan alu-aluan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Azmaniansyah bin Bachok selaku Pengurus SKM yang sudi hadir bersama untuk memantau dan melihat perjalanan sepanjang mesyuarat ini berlangsung. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli koperasi yang meluangkan masa untuk hadir bersama.

Menurut Penggerusi Koperasi, Encik Ag Rozlan bin Manan, mesyuarat ini adalah bertujuan untuk mendedahkan kepada semua ahli koperasi terutama murid-murid dalam

menguruskan koperasi terutama dari segi kewangan dan cara untuk menguruskan koperasi dengan bijak dan juga memberi pengalaman kepada murid-murid untuk merasai suasana bermesyuarat dalam keadaan sebenar. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli koperasi dari segi belanjawan tahunan, daptan keuntungan dan juga aktiviti koperasi yang telah dirancang pada setiap tahun.



En. Ag Rozlan menyampaikan ucapan



▪
En. Azmaniansyah Bin Bachok
Pengurus SKM cawangan Labuan

Selesai ucapan daripada Encik Ag Rozlan, mesyuarat ini diteruskan dengan agenda- agenda yang telah dirancangkan termasuklah pembubaran Ahli Lembaga Koperasi (ALK) bagi sesi 2019/2020 dan melantik Ahli Lembaga Koperasi yang baharu bagi sesi 2020/2021, Pembentang Anggaran Belanjawan bagi Sesi 2020/2021, Pemberian elaun kepada ALK dan hal-hal lain.

Dalam cadangan usul, Encik Ag Rozlam meminta agar pihak koperasi dapat memikirkan mekanisme yang boleh memberi pengalaman kepada semua murid sekolah dari segi

keusahawanan, perniagaan dan ekonomi supaya murid-murid lebih bersemangat dan bermotivasi untuk menceburkan diri dalam pelbagai bidang terutama dalam perniagaan.

Sebelum mengakhiri mesyuarat, Encik Azmaniansyah dalam ucapannya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran semua dalam mesyuarat ini. Beliau juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak Koperasi kerana berjaya mengadakan mesyuarat ini secara dalam talian walaupun dalam keadaan pandemik Covid-19 ini. Beliau berharap agar koperasi dapat membuat penambahbaikan dan mengikuti segala peraturan-peraturan dalam undang-undang kecil koperasi dengan lebih efektif. Turut hadir bersama dalam mesyuarat ini penolong kanan pentadbiran Puan Chai Yee San, Penolong kanan Kokurilum Puan Lau Chin Ying dan Penolong kanan HEM Encik Awang Adi Bin Tuah.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun